

160,000 penumpang sehari mulai Januari

➔ Prasarana sudah bersedia hadapi pertambahan pengguna

Oleh Rohaniza Idris, Hazwan Faisal Mohamad dan Nurul 'Aniqah Sazale
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Kira-kira 160,000 penumpang sehari, dijangka menggunakan perkhidmatan rel Mass Rapid Transit (MRT) mulai Januari ini apabila musim cuti berakhir dan sesi persekolahan bermula.

Hari pertama operasi MRT yang bermula semalam menyaksikan seramai 16,000 penumpang menggunakan perkhidmatan itu dari jam 6 pagi hingga 6 petang.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Prasarana, Datuk Seri Azmi Abdul Aziz, berkata anggaran itu dibuat berdasarkan pengalaman

hampir 20 tahun dalam mengendalikan operasi pengangkutan rel seperti Transit Aliran Ringan (LRT) dan monorel.

Katanya, pihaknya tidak meletakkan sebarang sasaran untuk hari pertama operasi MRT tetapi percaya jumlah penumpang akan bertambah dari semasa ke semasa.

"Berdasarkan pengalaman, jumlah penumpang akan bertambah dari hari ke hari dan kami sudah bersedia menghadapinya," katanya pada sidang media selepas melakukan lawatan operasi hari pertama MRT yang dibuka kepada orang awam bermula dari stesen Semantan ke Sungai Buloh, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Pegawai Operasi (COO) MRT SBK (MRT1), Muhammad Isom Azis.



Orang ramai menaiki tren pada operasi hari pertama MRT di Kuala Lumpur, semalam.

Fakta nombor

14 KEMUDAHAN

tempat letak kereta bertingkat dengan 8,000 petak

Anak syarikat Prasarana Malaysia Bhd, Rapid Rail Sdn Bhd (Rapid Rail), dilantik sebagai pengendali operasi MRT1.

Rapid Rail juga mengendalikan perkhidmatan bas perantara MRT, jualan tiket serta pengurusan di stesen.

Bas perantara percuma

Azmi menjelaskan, sepanjang sebulan perkhidmatan MRT dan bas perantara percuma diberikan sehingga 16 Januari nanti, Rapid Rail menyediakan pegawai perkhidmatan pelanggan di semua 12 stesen untuk membantu penumpang mendapatkan maklumat lanjut berkenaan perkhidmatan itu.

Mengenai kebimbangan pengguna terhadap perkhidmatan MRT yang pertama kali diperkenalkan

di negara ini, beliau menasihatkan orang ramai tidak perlu ragu kerana ia sudah menjalani pelbagai proses ujian dan percubaan.

"Selain pemeriksaan yang mengikut prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan, perkhidmatan MRT sudah diuji selama tiga bulan sebelum beroperasi," katanya.

Azmi berkata, dari semasa ke semasa operasi dan kemudahan di semua stesen akan ditingkatkan untuk keselesaan pengguna.

Katanya, tempat letak basikal di stesen MRT juga akan ditambah kerana ada kecenderungan ramai penumpang menggunakannya.

"Ada beberapa stesen menyediakan kemudahan berkenaan. Kita juga menggalakkan orang ramai membawa basikal dalam tren tetapi hanya basikal lipat dan pada waktu bukan puncak," katanya.